

Kedudukan Abdullah tidak tergugat – Najib

Um- 14/8/2006

Apa yang penting sekali di kalangan pemimpin-pemimpin nasional, negeri dan bahagian, boleh dikatakan semuanya menyokong kepimpinan Abdullah

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan Perdana Menteri

Oleh **ABDUL RAZAK DIN**

BAGAN SERAI 13 Ogos – Kedudukan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak akan tergugat selagi beliau menerima sokongan padu daripada semua peringkat kepimpinan UMNO.

Timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kedudukan Abdullah sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO tidak mudah digugat oleh sesiapa pun kerana beliau mendapat sokongan padu daripada semua peringkat dalam parti.

"Saya lihat kedudukannya (Abdullah) tidak mudah diganggu gugat oleh sesiapa pun.

"Apa yang penting sekali di kalangan pemimpin-pemimpin nasional, negeri dan bahagian, boleh dikatakan semuanya menyokong kepimpinan Abdullah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Bagan Serai di sini hari ini.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertahanan yang juga Ketua UMNO Bahagian Bagan Serai, Datuk Zainal Abidin Zin dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Suliman.

Najib berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz yang menganggap tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad berterusan mengkritik pemimpin dan kerajaan mahu menghancurkan parti dan menjatuhkan Abdullah Ahmad Badawi.

Nazri yang juga ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO mempertikaikan kenyataan bekas Perdana Menteri bahawa dia tidak berniat memecahbelahkan UMNO dan menyifatkan kritikan Dr. Mahathir sebagai cabaran paling besar dihadapi UMNO dan kerajaan pada ketika ini.

Najib berkata, UMNO akan menjelaskan pendirian dan membuat penjelasan tentang perkara sebenarnya kepada rakyat.

"Dalam keadaan sekarang UMNO masih kuat walaupun ada pihak tertentu yang tidak berpuas hati, itu adalah. Pada bila-bila masa ada orang tak puas hati, mana boleh kita kata 100 peratus sokong.

"UMNO juga tidak menghadapi sebarang masalah kerana ia masih kuat serta kekal sebagai satu entiti.

Beliau berkata apa yang penting ialah kita tetapkan pendirian dan terus berikan penjelasan kepada rakyat.

"Kita juga berharap pihak Tun Dr. Mahathir boleh terima penjelasan-penjelasan yang telah kita lakukan," katanya.

Mengenai dakwaan bahawa Dr. Mahathir mungkin mendapat nasihat-nasihat yang salah, Najib berkata, itu semua adalah pandangan dan beliau tidak mahu menyertai polemik mengenai perkara itu.

Semasa berucap, Najib berkata, sokongan padu yang diberikan pimpinan UMNO di semua peringkat kepada Abdullah bukan dibuat secara membuta tuli dan tanpa memahami apa perkara yang disokong.

"Kita sokong sebab dalam Misi Nasional



NAJIB Tun Razak bersalaman dengan ahli-ahli UMNO pada Majlis Perasmian Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Parit di Perak, semalam.

terkandung banyak perkara yang jika terlaksana sepenuhnya akan membawa perubahan amat besar kepada orang Melayu dan negara," katanya.

Jelas beliau, antara kandungan penting ialah matlamat membasmikan kemiskinan tegar sepenuhnya menjelang 2010, pembangunan seimbang yang merentasi sempadan negeri seperti konsep pembangunan wilayah dan komitmen menjadikan Malaysia negara maju pada 2020.

"Macam mana kita tak sokong pemimpin yang ada komitmen menjelang 2010 tiada lagi kemiskinan tegar," kata Najib.

Timbalan Presiden UMNO berkata, jika ada kemelut politik yang melanda seperti angin taufan boleh ditangani bersama melalui keutuhan dan kekuatan UMNO.

Pada majlis itu, beliau turut mengemukakan peruntukan sebanyak RM4.5 juta bagi pembinaan sebuah dewan orang ramai di Bagan Serai.